

BAB 6

6.1 : RUMUSAN PERBANDINGAN

Sebagai rumusan dari tajuk penulisan ini, dapatlah dirumuskan bahawa sememangnya terdapat perbezaan antara konsep nasionalisme yang diketengahkan oleh Barat dengan nasionalisme yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di negara ini, terutama mereka yang terlibat dalam pentas politik tanah air bagi membebaskan tanah air dari penjajahan Barat. Begitu juga dari sudut ciri-ciri dan sifat-sifatnya.

Perbezaan yang amat ketara, sekiranya kita membandingkan konsep, ciri dan pengamalan nasionalisme Barat dengan apa yang di ketengahkan oleh Islam berkaitan dengan konsep 'kesatuan ummah' yang diutarakan olehnya di mana Islam menentang secara jelas terhadap konsep nasionalisme yang sempit yang hanya membataskan perhubungan sesama manusia hanya berdasarkan persamaan bangsa, bahasa, sempadan geografi, warna kulit, keturunan dan sebagainya, kerana Islam adalah agama yang bersifat umum dan boleh diterima oleh manusia sejagat. Ini terbukti melalui usaha di bawah kepimpinan baginda SAW yang telah berjaya menjadikan umat ini bersatu padu, kuat dan digeruni oleh musuh-musuhnya. Rasulullah SAW dan para sahabat telah berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan kesatuan dan perpaduan sesama mereka. Mereka juga berusaha menjauhi unsur-unsur yang boleh membawa fitnah, pergeseran dan perpecahan sesama mereka.

Salahuddin al-Ayubi menyatakan bahawa '*Al-Ummah*' adalah lebih umum daripada 'negara' kerana tidak ada negara tanpa ummah.¹ Imam Hassan al-Banna, pengasas gerakan *al-Ikhwan al-Muslimun* menjelaskan bahawa konsep *ummah* dalam Islam menekankan persoalan 'kesatuan ummah'. Di mana ia merupakan satu masyarakat manusia yang berdiri tegak di atas dasar akidah yang sama. Umat Islam adalah jemaah, warga negara dan kumpulan rakyat yang beriman dengan Islam, sekalipun mereka berbeza dari aspek tanah air, warna kulit, bahasa dan sebagainya. Kesemuanya dianggap sebagai 'ummah yang satu' yang berpegang teguh dengan ikatan yang unggul, yang melahirkan rasa persaudaraan dan kasih mesra sesama mereka.²

Pandangan yang sama telah dijelaskan oleh As-Syahid Sayyid Qutb dalam menerangkan konsep '*ummah*' sebagai 'kumpulan manusia yang terikat dengan tali akidah yang menentukan rupa bangsanya. Tanpanya tidak dianggap sebagai satu ummah. Tali ikatan akidah ialah satu konsep atau idea yang memenuhi hati nurani, akal fikiran, konsep dan tanggapan yang mentafsirkan kewujudan alam dan kehidupan.³

Bangsa Arab yang telah mendapat didikan dari Rasulullah SAW dan beriman dengan ajaran Islam, telah dapat menundukkan kuasa-kuasa besar di bawah kebenaran dan keimanan kepada Rasulullah SAW. Mereka telah diikat dengan tali persaudaraan Islam. Mereka telah menggantikan

kedudukan, pangkat dan kemegahan dengan ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada Rasulullah SAW.

Sayyid Abu Al-A'la Al-Maududi menegaskan bahawa hanya Islam sahaja yang mampu menyatukan umat di dunia ini. Sebelum ini, manusia teraba-raba untuk mencari siapakah yang mampu menjadi jaguh dalam menyatukan umat manusia hari ini. Setelah kita mengkaji dan meneliti fahaman nasionalisme, agensi-agensi antarabangsa, agama selain daripada agama Islam seperti Kristian, Buddha, Hindu, bahkan dunia Barat sekalipun, fahaman Marxisme dan lain-lainnya tidak mampu untuk menanganinya, maka Islam telah menyuluh jalan kepada kita. Beliau menegaskan;⁴

“Tidak keterlaluan bila saya menyatakan bahawa tidak ada sebarang teori samada sekarang mahupun akan datang yang boleh menyatukan dunia (umatnya) dan menjadi asas kepada dunia selain daripada Islam. Islam adalah satu-satunya agama yang meletakkan taraf manusia yang berasal daripada satu ibu bapa iaitu Adam dan Hawa.”

Sa'id Hawwa menegaskan bahawa pengertian 'Ummah' itu berdasarkan firman Allah SWT;⁵

Maksudnya;

“Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu asas pokoknya dan Akulah Tuhanmu, maka sembahlah Aku.”

Umat yang dikaitkan dengan 'wahdah' atau penyatuan itu ialah umat para Rasul seluruhnya, sejak dari Nabi Adam A.S sehinggalah Nabi Muhammad SAW, di mana para Rasul dan pengikut-pengikutnya berada dalam sejarah yang gemilang. Mereka membentuk ummah yang satu dan ia

disebut sebagai 'Ummah Islam'. Kita kaitkan mereka dengan umat Islam dan tidak kepada yang lainnya samada dalam aspek persaudaraan dan kesetiaan.

Namun realiti yang dapat kita saksikan pada hari ini, umat Islam keliru dan kabur terhadap pengertian nasionalisme kerana terdapat penyelewengan di dalam memahami pengertiannya. Kesemua ini berlaku disebabkan terpengaruh dengan kefahaman nasionalisme sempit yang diketengahkan oleh dunia Barat.

Akibat dari penyelewengan tersebut, maka lahir dan wujudlah perpecahan, perbalahan, pertelingkahan dan persengketaan yang telah menyebabkan gerakan Islam dan umat Islam umumnya menjadi lemah serta mudah diperkotak-katikkan oleh musuh-musuh Islam. Terlalu banyak masa dan tenaga dibazirkan semata-mata disebabkan percakaran dan perbalahan sesama sendiri. Lantaran itu juga tercabutlah rahmat dan bantuan daripada Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT telah menyatakan dalam firmanNya;⁶

Maksudnya;

“Mereka sentiasa berselisih, kecuali orang-orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu dan untuk itulah Allah menciptakan mereka. Kalimah Tuhanmu (keputusanNya) telah ditetapkan : sesungguhnya Aku akan memenuhi neraka jahanam dengan jin dan manusia yang derhaka semuanya.”

Sehubungan dengan itu, perlu dijelaskan konsep nasionalisme atau perasaan kasih sayang yang dibenarkan dalam Islam khususnya setelah kita meneliti konsep dan ciri-ciri nasionalisme negara Barat, Islam dan Melayu. Berkaitan dengan nasionalisme negara Barat, ianya lebih menumpukan kepada fahaman atau semangat kesukuan, semangat disebabkan keturunan darah daging atau dari rumpun yang sama.

Nasionalisme negara Barat mempunyai ciri-ciri seperti imperialisme atau menjajah, kolonialisme atau menakluki bangsa lain, individualisme atau mementingkan sesuatu bangsa, komunisme, fanatik dan sebagainya.⁷ Ianya telah menjadikan nasionalisme negara Barat sebagai satu fahaman yang merangsang ketaatan kepada kelompok mengatasi segala bentuk ketaatan termasuk ketaatan kepada agama. Ketaatan dan simpati pada kesatuan nasional khususnya dalam integriti bangsa lebih kuat dari segala-galanya. Nasionalisme negara Barat sangat menjunjung tinggi bangsa, sehingga menyebutnya sebagai 'tanah tumpah darah'. Maka ianya melahirkan satu perasaan menjunjung tinggi bangsanya sama ada dalam perkara yang baik mahupun buruk, benar mahupun salah. Apa yang penting ialah pembelaan atas nama dan harga diri bangsa itu yang diutamakan.

Menurut fahaman nasionalisme negara Barat, yang membezakan antara sesama manusia bukanlah keimanan ataupun agamanya, tetapi adalah tanah air, bahasa dan bangsanya. Oleh kerana itu, politik diskriminasi

bangsa ini telah menjadi amalan hampir di seluruh dunia yang terbabit dengan fahaman nasionalisme. Ianya merupakan salah satu unsur daripada nasionalisme ekstrem yang mengakibatkan timbulnya blok-blok perdagangan dan persenjataan. Kesan fahaman nasionalisme yang ekstrem ini, maka bersemaraklah semangat patriotisme. Seluruh ketaatan berpusat pada tanah airnya semata-mata. Menurut Barat, agama boleh hidup di bawah naungan fahaman nasionalisme, selama mana ianya mendukung atau sekurang-kurangnya tidak bertentangan dengan semangat nasionalisme yang mereka pegang.

Ini amat jauh berbeza dengan semangat “nasionalisme” Islam yang menumpukan perasaan dan semangat kasih sayang tanpa wujudnya perbezaan atau batasan bangsa, keturunan, warna kulit, negara atau wilayah. Islam yang bersifat universal dan sejagat telah menjadikannya mudah diterima oleh seluruh manusia. Kedudukan orang Islam adalah sama di sisi Allah SWT sebagai makhluk dan hamba dan Nabi Muhammad SAW diutuskan bukanlah hanya untuk bangsa Arab sahaja, bahkan baginda Rasulullah SAW diutuskan untuk seluruh manusia hinggalah hari kiamat kerana baginda adalah merupakan Nabi yang terakhir.

Pada prinsipnya, Islam ditegakkan atas dasar dan konsep agama tanpa dicampuradukkan dengan konsep kebangsaan atau apa juga perasaan yang menghadkan dan membatasi kesyumulan atau kesejagatannya.

Namun, Islam tidak menolak hakikat wujudnya pelbagai bangsa dan suku kaum di kalangan manusia yang mana ianya akan mewujudkan perasaan taat setia seseorang itu kepada bangsanya. Ianya adalah perkara yang semula jadi atau fitrah manusia dan Islam tidak menolak atau cuba untuk menghapuskannya. Namun demikian, Islam tidak membenarkan perasaan taat setia penganutnya terhadap bangsa atau kaumnya itu melebihi dan mengatasi taat setianya kepada Islam itu sendiri sebagai agamanya serta pegangan hidupnya.

Manakala nasionalisme Melayu secara umumnya ada beberapa ciri di dalamnya yang selari dengan Islam seperti semangat cintakan tanah air, cintakan bangsa dan semangat cintakan bahasa ibunda, selagi mana semangat itu tidak mendorong mereka memperjuangkan semangat dalam bentuk asabiyah yang sempit, seperti hanya memperjuangkan hak-hak, nasib dan kepentingan sesuatu kaum dan mengetepikan hak-hak, nasib dan kepentingan kaum lain sehingga berlaku kezaliman terhadap diri mereka. Apatah lagi sekiranya kaum atau bangsa lain tersebut sama-sama menganut agama Islam yang suci, tentulah akan berlaku perpecahan dan perbalahan dalam masyarakat yang pasti akan membawa kepada kehancuran dan kemusnahan.

Islam juga amat mengiktiraf sekiranya semangat nasionalisme yang diperjuangkan itu adalah hasil gabungan dan semangat bencikan penjajah

yang menjajah tanah air mereka dengan merampas segala hasil serta merencanakan satu cara hidup, menentukan semua sistem kehakiman dan perundangan, sistem pendidikan, sistem ekonomi, sistem politik dan lain-lain lagi, yang pasti akan merosakkan sesebuah negara yang dijajah. Perjuangan tersebut boleh dianggap sebagai jihad yang mulia, demi meletakkan kembali maruah agama, bangsa dan negara. Malah menjadi kewajipan kepada seluruh warga negara ataupun rakyat dalam negara tersebut, memberikan sokongan dan dorongan untuk sama-sama memikul amanah perjuangan tersebut dan memastikan penjajah tersebut mengangkat kaki meninggalkan negara mereka yang tercinta. Selagi mereka tidak bertindak meninggalkan negara ini, perjuangan mestilah diteruskan, samada akhirnya kita memperolehi kemenangan dengan terhasilnya kemerdekaan ataupun kita gugur sebagai seorang *syuhada'* iaitu mati syahid.

Namun demikian, perlu diingatkan kepada setiap pejuang kebangsaan atau nasionalisme, supaya mereka tidak leka dan alpa sebaik sahaja mereka berjaya mencapai kemenangan berupa kemerdekaan kerana tanggung jawab mereka seterusnya ialah meletakkan dan membina asas-asas syariat Islam di atas keruntuhan jahiliah yang ditinggalkan oleh pihak penjajah yang telah meninggalkan negara mereka. Sekiranya mereka masih bertindak mengekalkan sistem pemerintahan yang ditinggalkan oleh penjajah yang bertentangan dengan syariat Allah SWT, maka kemerdekaan yang telah mereka nikmati tidak akan dinilai oleh Allah SWT, malah lama-

kelamaan pasti menuju ke arah kehancuran dan kemusnahan, kerana masih berdiri di atas sistem yang rapuh dan mudah binasa.

Sebagai bukti terhadap kenyataan yang dinyatakan di atas, dapat kita lihat dalam sejarah kemerdekaan negara-negara umat Islam di seluruh dunia. Apabila pihak yang berkuasa tidak meletakkan dasar dan prinsip pemerintahan di atas dasar-dasar dan prinsip Islam, maka keadaan politik, ekonomi dan sosial negara masih tidak menentu dan sering kali terdedah kepada kelemahan dan kejatuhan. Sebagai contoh yang amat ketara ialah di negara-negara umat Islam yang mengambil fahaman Sosialisme, Marxisme, Kapitalisme dan lain-lain lagi sebagai dasar dan prinsip dalam pemerintahan mereka, jelas berlaku di sana kezaliman dan penindasan terhadap hak-hak rakyat dan akhirnya semua prinsip-prinsip utama dalam agama juga turut terhakis, malah dimusuhi oleh golongan tersebut. Hanya Islam sahajalah agama yang diiktiraf oleh Allah SWT sebagai agama, cara hidup, panduan hidup dan pedoman hidup manusia seluruhnya. Firman Allah Taala;⁸

Maksudnya;

“Pada hari ini telah Ku sempurnakan bagimu agamamu (Islam) dan telah Ku sempurnakan segala nikmatKu dan telah Ku redhai bahawa Islam itu menjadi agama (pegangan hidup, panduan, pedoman dan cara hidup)mu.”

Allah SWT telah berfirman lagi:⁹

Maksudnya;

“Sesungguhnya agama yang diterima di sisi Allah, hanyalah agama Islam”

FirmanNya lagi:¹⁰

Maksudnya;

“Barang siapa yang mencari agama lain selain dari Islam sebagai agama (pegangan hidup, panduan, pedoman dan cara hidup) maka tidak akan diterima daripada dan di hari kiamat nanti dia termasuk di kalangan orang-orang yang rugi dan menyesal.”

6.2 : PANDANGAN DAN CADANGAN

Sebagai cadangan dan saranan kepada tajuk penulisan ini, penulis cuba menekankan beberapa pendapat dari beberapa orang tokoh seperti Ibnu Khaldun, Sayyid Qutb, Sayyid Abu Al-A'la Al-Maududi dan beberapa tokoh sejarawan negara yang dapat menjelaskan kedudukan nasionalisme menurut Islam. Ianya sangat penting agar masyarakat dapat melihat dan menerima nasionalisme dari sudut yang betul dan tidak bercanggah dengan Islam.

Ibnu Khaldun yang merupakan tokoh Islam terkenal berpendapat bahawa konsep asabiyah adalah pemeliharaan, pertahanan, tuntutan dan semua urusan yang disepakati. Beliau menyatakan bahawa konsep nasionalisme adalah konsep yang penting dalam membangunkan negara, bangsa dan negara.¹¹

Bagi Al-Maududi pula, beliau menerima nasionalisme yang berupa sokongan terhadap bangsanya tanpa memusnahkan bangsa yang lain. Beliau amat menentang semangat nasionalisme atau asabiyah yang melampau,

tidak menepati lunas-lunas Islam dan menonjolkan idea sekular Barat seperti wujudnya unsur khurafat, kezaliman, permusuhan, pengkhianatan, penyelewengan dan pemalsuan. Tambah beliau lagi, sekiranya masyarakat melaksanakan fahaman nasionalisme yang fanatik kesukuan secara membuta tuli sehingga memandang rendah terhadap bangsa lain, maka fahaman tersebut wajar ditolak dan ditentang sama sekali.¹²

Menurut Hassan al-Banna pula, beliau melihat nasionalisme dari sudut wataniah dan Qaumiyah yang telah diselaraskan dengan nilai-nilai Islam.¹³ Manakala Dr Burhanuddin al-Helmy pula berpandangan bahawa konsep asabiyah jahiliah ialah konsep perkauman sempit dan fanatik terhadap kaumnya. Beliau adalah penentang kuat British dan beliau juga telah membangkitkan kesedaran rakyat sekitar tahun 1937 telah banyak dipengaruhi oleh pandangan Ibnu Khaldun yang mengaitkan semangat nasionalisme dengan pembinaan sesebuah negara. Beliau berpendapat bahawa semangat ini juga boleh menarik dan menyatupadukan satu bangsa ke arah kekuatan dan keamanan negara dalam menentang penjajah British di Tanah Melayu ketika itu. Sekiranya masyarakat tidak menyayangi bangsanya, maka negara akan lemah dan terlalu mudah ditindas oleh penjajah. Oleh itu, perjuangan beliau boleh dikategorikan sebagai pejuang nasionalis yang berteraskan Islam kerana beliau telah menggabungkan unsur agama dan kebangsaan. Berhubung dengan penyatuan bangsa, Dr Burhanuddin al-Helmy telah mengaitkannya dengan kisah Nabi Ibrahim

yang mencintai Mekah, bermunajat dan mendoakan keamanan tanah airnya.¹⁴

Sesungguhnya nasionalisme atau asabiyah adalah perasaan sayang atau cinta kepada saudara mara, sayangkan kumpulan, sayangkan bangsa dan negara yang wujud secara semula jadi dalam diri manusia. Ianya juga adalah perasaan tidak ingin dizalimi atau disakiti, perasaan tolong menolong dan inginkan kebenaran. Sekiranya ia disalurkan di tempat yang baik, maka ianya tidak bertentangan dengan Islam, sebaliknya apabila ianya dilakukan ke arah kezaliman dan kehancuran, maka ia ditentang oleh Islam.

Nasionalisme mempunyai tujuan yang jelas iaitu semangat kasihkan negara sendiri demi menjaga kehormatan, maruah dan mempertahankan bangsa serta mendapatkan kemerdekaan. Semangat dan perasaan nasionalisme ini telah menjadi fitrah semula jadi manusia yang tidak suka digugat, dijajah dan dibelenggu oleh anasir-anasir luar yang datang menjajah tanah air mereka.

Sesebuah negara perlu dibangunkan dengan semangat nasionalisme di kalangan rakyatnya dan dimantapkan lagi dengan kekuatan agama. Ini dapat dilihat dalam sejarah pembukaan Kota Mekah dan Madinah di bawah pimpinan Rasulullah SAW, yang mana para pejuangnya terdiri bukan sahaja

dari kalangan mereka yang kuat pegangan akidahnya terhadap Allah SWT tetapi juga kuat perasaan asabiyahnya.

Apabila dikaji secara lebih mendalam, tidak semua nasionalisme itu sesuai dengan Islam dan tidak semua nasionalisme itu bertentangan dengan Islam. Konsep nasionalisme dan asabiyah ini tidak bertentangan dengan Islam selagi mana ia bertujuan untuk kebaikan masyarakat tanpa mengadaikan prinsip keagamaan yang suci. Islam menentang terhadap nasionalisme dan asabiyah jahiliah yang bertindak dan berperanan sebagai agama yang dianuti sehingga membawa kepada perpecahan serta melanggar perintah Allah SWT demi kepentingan individu dan bangsanya.

Penulis memberikan pandangan berdasarkan kepada konsep dan ciri-ciri nasionalisme yang wujud di Barat dan apa yang diterima oleh Islam. Antara ciri-ciri asabiyah jahiliah ialah zalim, menolak kebenaran, perjuangan tanpa arah dan matlamat yang jelas dan wujudnya sifat takbur atau membangga diri dalam melaksanakan semangat nasionalisme tersebut. Ciri-ciri tersebut telah menjadikan ianya amat bertentangan dengan ciri-ciri “nasionalisme” Islam yang memperjuangkan sesuatu berdasarkan akidah tauhid, memperjuangkan kebenaran tanpa mengira keturunan, bangsa, warna kulit dan sebagainya. Di samping itu juga, ianya menentang kezaliman, kehancuran, kerosakan, tidak bangga diri dan sifat-sifat keji yang boleh merosakkan agama, bangsa dan negara.

Merujuk kepada nasionalisme Barat pula, kesemua ciri-cirinya amat bertentangan dengan Islam seperti imperialisme dan kolonialisme iaitu menjajah dari segi ekonomi dan keagungan kekuasaan politik dengan cara yang zalim. Manakala liberalisme pula adalah keinginan untuk bebas dan tiada ikatan perundangan dalam banyak perkara. Ciri seterusnya ialah individualisme yang amat mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan kebajikan orang lain sehingga sanggup menindas dan berlaku tidak adil kepada orang lain. Dalam konteks ini, istilah “menindas” dan “tidak adil” adalah tergolong di dalam ciri-ciri imperialisme, kolonialisme, individualisme dan juga diktator yang mewujudkan kesombongan bangsa. Kesemua ciri-ciri tersebut ternyata amat bertentangan dengan Islam yang memperjuangkan kebenaran, keamanan, kesejahteraan, kesederhanaan, larangan berpuak-puak dan menentang sebarang bentuk kerosakan serta kehancuran kepada seluruh manusia.

Konsep negara aman yang dinyatakan dalam Islam ialah dengan tertegaknya tiga asas Islam iaitu akidah, syariah dan akhlak. Manakala ciri-ciri negara yang aman pula ialah beriman, bertakwa, mencari wasilah, berjihad, tidak berpecah belah, menyuruh berbuat makruf dan mencegah kemungkaran.¹⁵

Usaha pertama telah dijalankan oleh Rasulullah SAW untuk menyatukan masyarakat di Madinah dengan beberapa langkah telah diambil

oleh baginda Rasulullah SAW di mana baginda telah melaksanakan peranan serta tanggungjawabnya dengan penuh kecemerlangan. Antara usaha yang telah baginda Rasulullah SAW lakukan ialah membina tapak yang kukuh dan teguh bagi negara Islam pertama dengan mewujudkan tiga bentuk hubungan yang utama, iaitu;

1. Hubungan dengan Allah SWT,
2. Hubungan sesama manusia
3. Hubungan umat Islam dengan orang-orang bukan Islam dan hubungan dengan negara bukan Islam dalam rangka menyampaikan Risalah Islam serta menentukan sikap mereka terhadap Islam.

Bagi merealisasikan semua tuntutan Islam di atas, sebaik sahaja berlakunya hijrah baginda di Madinah, maka asas pertama yang dilakukan oleh baginda Rasulullah SAW ialah melalui pembinaan masjid, mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar dan membentuk Piagam Madinah atau Perlembagaan Madinah bagi mengatur kehidupan masyarakat Islam dan hubungannya dengan masyarakat bukan Islam.

6.3 : PENUTUP

Sebagai penutup, nasionalisme berlaku di mana-mana dalam dunia ini. Hanya bentuk, coraknya dan penerimaan serta pengamalannya sahaja agak berbeza antara satu-satu tempat mengikut keadaan setempat. Nasionalisme merupakan sesuatu yang penting dan ianya menjadi fitrah dalam diri manusia demi untuk mempertahankan agama, bangsa dan negaranya. Setiap manusia tidak suka diri dan negaranya dijajah. Justeru itu, nasionalisme yang berpegang kepada asas Islam atau Tauhid Ilahi adalah sesuatu yang sangat bertepatan dengan Islam. Tujuan nasionalisme dalam Islam bukanlah untuk menzalimi golongan lain atau mengetepikan kebenaran yang diperjuangkan oleh Islam, sebaliknya nasionalisme perlu dilaksanakan dengan adil dan berteraskan kehendak Islam tanpa mengira bangsa, keturunan atau negara. Apa yang penting adalah semangat persaudaraan Islam yang memperjuangkan syariat Islam di bumi Allah SWT ini.

Nasionalisme bukanlah satu istilah yang digunakan dalam Fikah Islam di Zaman Salaf dan juga hari ini. Oleh yang demikian, ianya agak sukar untuk kita menentukan sama ada nasionalisme itu halal atau haram. Abu Bakar Hamzah telah mencadangkan dua kaedah yang digunakan bagi memahami konsep nasionalisme iaitu :¹⁶

- i) Dalam apa juga perkara yang bukan ibadat maka hukum asalnya adalah harus melainkan apa yang ditegah.
- ii) Dalam apa juga perkara ibadah, maka hukumnya adalah haram melainkan apa yang diperintahkan.

Menurut beliau, nasionalisme adalah termasuk dalam kategori pertama iaitu harus hukumnya kecuali apa yang ditegah. Apa yang ditegah di sini ialah semangat asabiyah jahiliah yang membawa kepada permusuhan dan perpecahan. Begitu jugalah nasionalisme yang membawa cita-cita asal iaitu untuk kebaikan dan tidak mengetepikan dasar-dasar Islam seperti akidah, syariah dan akhlak, maka ia tidak dilarang dalam Islam.

Sekiranya kita mengkaji secara mendalam, tidak semua nasionalisme sesuai dengan Islam dan tidak semua nasionalisme juga bertentangan dengan Islam. Justeru itu, para pendukung nasionalisme yang mengikut dasar Islam mengatakan bahawa penyatuan Islam dan nasionalisme adalah sesuatu yang amat diperlukan dan tidak dapat dielakkan.¹⁷ Justeru itu, peranan pihak tertentu dalam menanamkan semangat nasionalisme yang selari dengan Islam amatlah penting demi untuk melahirkan warganegara yang berpegang teguh dengan ajaran Islam dan mengetepikan semangat nasionalisme yang bertentangan dengan Islam.

Ini telah dijelaskan oleh tokoh nasionalis Islam tanah air iaitu Dr Burhanuddin al-Helmy yang menyatakan bahawa asabiyah jahiliyah merupakan konsep perkauman yang sempit dan bersifat fanatik secara membuta tuli dengan mengetepikan kebenaran Islam. Beliau menyarankan agar nasionalisme Melayu ini diselaraskan dengan konsep “Umat pertengahan” dan “Sebaik-baik umat”.¹⁸ Sesungguhnya nasionalisme yang bermatlamatkan pembinaan jiwa rakyat menentang penindasan amat bertepatan dengan firman Allah SWT :¹⁹

Maksudnya :

“Sesungguhnya Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum sehingga kaum itu sendiri yang mengubah nasib diri mereka sendiri”.

Dr Burhanuddin al-Helmy berpendapat bahawa nasionalisme Melayu yang diselaraskan dengan Islam itu amat sesuai dengan masyarakat Melayu yang beragama Islam khususnya dalam memperjuangkan tanah air dan agama tercinta. Perjuangan Dr Burhanuddin al-Helmy banyak dipengaruhi oleh konsep asabiyah yang dihubungkan dengan negara seperti mana yang diketengahkan dan dikemukakan oleh Ibnu Khaldun. Ianya berdasarkan empat perkara iaitu Iman, Tubuh, Bangsa dan Watan.²⁰ Semangat ini juga dapat menarik dan menyatupadukan satu bangsa ke arah kekuatan dan keamanan negara dalam menentang pihak penjajah Tanah Melayu ketika itu. Justeru itu, nasionalisme yang menggabungkan elemen agama dan kebangsaan adalah sesuatu yang dibenarkan dalam Islam kerana

ianya bersifat adil dan memperjuangkan hak berlandaskan kepada ajaran Islam serta menentang segala bentuk kezaliman atau penindasan.

Penulis mencadangkan agar pihak kerajaan dapat mengadakan seminar, dialog, forum, bengkel atau apa juga aktiviti yang dapat menjelaskan kepada seluruh masyarakat di negara ini tentang nasionalisme yang dibenarkan dalam Islam. Aktiviti-aktiviti tersebut dapat dipertontonkan kepada masyarakat melalui media massa sebagai langkah yang cukup berkesan memberi maklumat kepada masyarakat.

Selain dari itu, program-program wajib yang disasarkan kepada golongan muda seperti “Khidmat Negara” atau “Bina Negara” dan juga program “Bina Insan” perlu diterapkan perkara-perkara yang dapat mendidik peserta kepada semangat nasionalisme yang selari dengan Islam. Apabila nilai-nilai dan semangat nasionalisme yang selari dengan Islam ini telah diterapkan kepada generasi muda, maka mudahlah mereka untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat yang akan mereka pimpin kelak. Akhirnya negara akan dapat melihat betapa harmoni, aman dan sejahteranya kehidupan masyarakat berbilang kaum yang wujud di negara ini setelah nilai dan semangat nasionalisme yang berteraskan Islam itu dapat dilaksanakan serta difahami oleh semua rakyat di negara ini.

NOTA Hujungan BAB 6 :

1. Salahuddin Al-Ayubi , *Al-Islam wa-Tamyiz al-Unsuri*, (Beirut: Dar Al-Andalus, cet. 1, 1392H/1972M), hal. 171.
2. Muhammad Abd al-Halim Khayyal, *Syarh tahlil al-Usul al-'isyryn li al-Imam Hasan Al-Banna*, Iskandariyah : Dar ad-Da'wah, hal. 93.
3. Sayyid Qutb, *Haza ad-Din*, terj. Ismail Mohd. Hassan, (Terengganu : Yayasan Islam Terengganu, cet. 1, 1983), hal.130-131.
4. Abu al-A'la al-Maududiy, *Kesatuan Dunia Islam*, terj. Us. Muhamad Darus Senawi, (Kuala Lumpur : Pustaka Salam, cet. 1, 1985), hal. 20.
5. Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*, (Kuala Lumpur : Darulfikir, cetakan 12, 2001), Surah al-Anbiya', ayat 93.
6. Ibid, Surah Hud, ayat 118-119.
7. Aminuddin Nur, *Pengantar Studi Sejarah Pergerakan Nasional*, (Jakarta : tt. Percetakan 1966), hal.108.
8. Ibid, Surah al-Maidah, ayat 3.
9. Ibid, Surah ali-Imran, ayat 19.
10. Ibid, Surah al-Imran, ayat 85.
11. Ibnu Khaldun, *Muqadimah Ibnu Khaldun* : terj. Suatu Pendahuluan, Ismail Yakub, (Singapura : Pustaka Nasional, 1983), hal. 240.
12. Abu Al-'Ala Al-Maududi, *Al-Islam Wal Madaniyah al-Hadithah*, terj. Marzuki Mahmud, *Islam dan Kemajuan Moden*, (Bangi : Ikatan Studi Islam, 1984), hal.12-13.
13. Mohammad Kamil Abd. Majid, *Tokoh-tokoh Pemikir Islam*, (Petaling Jaya : Budaya Ilmu, 1993), hal. 228.
14. Burhanuddin al-Helmy, *Falsafah kebangsaan Melayu*, (Bukit Mertajam : Pustaka Semenanjung, 1954), hal.44.

Abu Bakar Hamzah, *Konsep Kepimpinan Ulamak Dalam Politik*, (Kuala Lumpur : Pustaka Zakry Abadi, 1983), hal.16.

16. Abu Bakar Hamzah, *Islam dan Faham Kebangsaan*, Kertas kerja Seminar Kebangsaan, Arus Politik Kebangsaan, (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1985), hal. 24.
17. Naseer H. Aruri, *Nationalism and Religion on the Arab World : Allies or Enemies*, *Journal of Muslim World*, vol. 67, Okt 1977, hal. 273.
18. Saliha Hj Hassan, *Dr Burhanuddin al-Helmy : The Ideals of Malay Nationalist*, *Malaysia ini History*, no.1, June, 1974, hal.2
19. Sheikh Abdullah Basmeih, op.cit, Surah ar-Ra'ad, ayat 11.
20. Kamarudin Jaffar, *Dr Burhanuddin al-Helmy : Politik Melayu dan Islam*, (Kuala Lumpur : Yayasan Anda, 1980), hal. 44.